

## LATIHAN SOALAN ESEI TINGKATAN 5

### BAB 1 : KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA.

1. a) Mengapakah imperialisme barat menjajah negara-negara Asia Tenggara antara abad ke-15 dan abad ke-20. (10m)  
b) Terangkan kesan imperialisme barat ke atas Asia Tenggara. (10m) (SPM '05)
2. \* Tanah Melayu  
\* Filipina  
\* Indonesia
  - a) Berdasarkan negara-negara di atas, berikan tujuan dan contoh media cetak yang digunakan oleh golongan intelektual pada zaman penjajahan. (8m)
  - b) Mengapakah gerakan nasionalisme pada tahap awal bersifat sederhana. (12m) (SPM '04)
3. a) Huraikan perubahan sistem politik akibat penjajahan kuasa barat di Asia Tenggara.(10m)  
b) Jelaskan perubahan pentadbiran semasa penjajahan Belanda di Indonesia. (10m )
4. a) Bagaimakah pentadbiran Indo-China sebelum penjajahan Perancis. (6m)  
b) Jelaskan perubahan pentadbiran selepas kedatangan Perancis di Indo-China. (14m)
5. a) Sistem birokrasi barat telah diperkenalkan bagi menggantikan sistem pemerintahan beraja. Huraikan ( 6m)  
b)Jelaskan bagaimana Sepanyol telah memperkenalkan sistem pentadbiran barat bagi menggantikan sistem pentadbiran yang sedia ada di Filipina. (10m)  
c) Nyatakan tanggungjawab Encomiendero dalam pentadbiran Sepanyol. (4m)
6. Perkembangan nasionalisme terbahagi kepada dua tahap:
  - a) Bincangkan ciri-ciri nasionalisme di Asia Tenggara pada tahap pertama. ( 6m )
  - b)Jelaskan peranan golongan sami Buddha dalam gerakan nasionalisme di Burma pada tahap pertama. ( 6m )
  - c)Huraikan nasionalisme Thai tahap pertama. ( 8m )

### BAB 2 – NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

1. a) Terangkan faktor-faktor kebangkitan nasionalisme di negara kita. (16m)  
b) Huraikan tujuan perjuangan Kaum Muda ( 4m )
2. a) Huraikan bagaimana pelaksanaan sistem pentadbiran barat telah menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat. (8m)  
b)Dengan contoh yang sesuai, jelaskan penentangan Dol Said di Naning. (12m)

3. Huraikan penentangan pembesar tempatan terhadap British di Pahang. (20)
4. a) Huraikan secara ringkas, gerakan Pan Islam. (8m)  
b) Jelaskan apakah maksud gerakan Islah dan idea-idea perjuangan Kaum Muda (12m)
5. a) Nyatakan pertubuhan yang telah memainkan peranan aktif menentang penjajahan Jepun di Tanah Melayu. (10m)  
b) Berikan pandangan anda terhadap peranan novel dalam membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu. (10m)

### **BAB 3 – KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA**

1. a) Bincangkan ciri-ciri egara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka. (20m)
2. a) Huraikan latar belakang pembentukan negara bangsa. (8m)  
b) Perincikan sejarah pembentukan negara bangsa Itali, Jerman dan Madinah. (12m)
3. a) Jelaskan kesan warisan Kesultanan Melayu Melaka terhadap negeri-negeri Melayu seperti Johor, Perak dan Pahang. (6m)  
b) Huraikan sejarah pembentukan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. (6m)  
c) Jelaskan ciri-ciri Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. (8m)

### **BAB 4 – PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA**

1. Malayan Union telah diisytiharkan pada 1 April 1946 oleh penjajah British.
  - a) Jelaskan enam sebab British mengisytiharkan Malayan Union. (6m)
  - b) Mengapa orang Melayu radikal dan orang dagang menyokong Malayan Union. (6m)
  - c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah yang akan berlaku sekiranya Malayan Union terus dilaksanakan di Tanah Melayu. (8m) (SPM '06)
2. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh orang Melayu untuk menentang Malayan Union. (20m)
3. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 21 Januari 1948 di antara Raja-raja Melayu dan British di King House.
  - a) Huraikan ciri-ciri utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. (12m)
  - b) Berikan sebab penduduk tempatan menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. (8m)
4. a) Senaraikan ciri-ciri Perlumbagaan 1941. (10m)  
b) Jelaskan pertubuhan Rukun Tiga Belas. (10m)

## BAB 5 – PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

1. a) Apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Ahli? (6m)  
b) Huraikan cri-ciri Sistem Ahli. (14m)
2. Terdapat beberapa usaha untuk menggalakkan Pakatan Murni dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Huraikan langkah-langkah tersebut. (20m)
3. a) Huraikan tanggungjawab Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan pada tahun 1956. (10m)  
b) Apakah isi kandungan penting Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. (10m)

## BAB 6 – PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

1. Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 telah menimbulkan reaksi beberapa negeri di Asia Tenggara.
  - a) Jelaskan reaksi negeri-negeri berikut:

|             |                |
|-------------|----------------|
| - Singapura | - Sarawak      |
| - Sabah     | - Brunei (14m) |
  - b) Huraikan cara penentangan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia. (6m) (SPM '05)
2. a) Huraikan tentang tugas dan tanggungjawab Suruhajaya Cobbold (10m)  
b) Apakah cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Cobbold. (10m)
3. Apakah reaksi negara-negara luar terhadap pembentukan Malaysia:
  - a) Indonesia (12m)
  - b) Filipina (8m)
4. a) Apakah cadangan yang dikemukakan berhubung dengan pembentukan Malaysia. (8m)  
b) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia. (12m)

## BAB 7 – SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

1. a) Terangkan sistem pilihanraya di Malaysia. (10m)  
b) Jelaskan syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk menjadi calon pilihanraya. (10m)  
(SPM '04)
2. a) Berikan makna Persekutuan (4m)  
b) Huraikan tentang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam Perlembagaan Malaysia. (16m)
3. a) Huraikan kepentingan Perlembagaan Malaysia dalam menjamin keharmonian rakyat.(12m)  
b) Jelaskan perkara-perkara yang boleh dipindah dalam Perlembagaan Malaysia dengan keizinan Majlis Raja-raja Melayu. (8m)

4. Huraikan fungsi Parlimen berikut :
- a) Yang Di-pertuan Agong (6m)
  - b) Dewan Negara (7m)
  - c) Dewan Rakyat (7m)

5. Jata negara  
Bendera kebangsaan  
Lagu kebangsaan

Senarai di atas merupakan antara lambang-lambang negara kita,

- a) Pada pendapat anda, mengapakah lambang-lambang negara di atas diwujudkan (10m)
- b) Jelaskan makna lambang-lambang yang terdapat pada bendera kebangsaan (10m)

## BAB 8 – PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

- 1. a) Nyatakan empat matlamat Dasar Ekonomi Baru (4m)  
b) Terangkan lima langkah kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (10m)  
c) Terangkan tiga pencapaian Dasar Ekonomi Baru. (6m) (SPM '06)
- 2. Kerajaan telah melaksanakan dua dasar pembangunan ekonomi untuk memantapkan ekonomi negara.
  - a) Jelaskan Dasar Penswastaan Negara. (10m)
  - b) Dengan menggunakan contoh-contoh, terangkan Dasar Pertanian Negara (10m)
- 3. a) Mengapakah Rancangan Malaya Pertama ( 1956 – 1960 ) diwujudkan? (5m)  
b) Jelaskan penekanan dan pelaksanaannya. (15m)
- 4. a) Huraikan cadangan-cadangan yang terkandung dalam Laporan Rahman Talib 1960. (10m)  
b) Terangkan tujuan dan prinsip utama Dasar Kebudayaan. (10m)

## BAB 9 – MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

- 1. a) Ceritakan peristiwa yang membawa kepada berlakunya Perang Dunia Kedua. (8m)  
b) Jelaskan enam kesan Perang Dunia Kedua. (6m)  
c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah sesebuah negara dapat mengelakan berlakunya perperangan. (6m) (SPM '06)
- 2. Selepas berlakunya Perang Dunia Kedua telah wujud dua blok dunia iaitu Blok Komunis dan Blok Kapitalis.
  - a) Mengapakah terbentuknya dua blok kuasa tersebut? (12m)
  - b) Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah kedua-dua blok kuasa tersebut memperkuuh pengaruh masing-masing. (8m) (SPM '05)

3.

| Dasar Luar Malaysia |                     |
|---------------------|---------------------|
| Tahap Pertama       | Pro Barat           |
| Tahap Kedua         | Berkecuali          |
| Tahap Ketiga        | Kepentingan ekonomi |

- a) Berdasarkan jadual di atas, terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pengubahan dasar luar negara Malaysia. (12m)
- b) Terangkan penibuhan Persekutuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) (8m) (SPM '04)

4. a) Jelaskan makna Dasar Apartheid. (4m)

b) Bagaimanakah perjuangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) antara tahun 1961-1970. (16m)

5. a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah masyarakat luar bandar ketinggalan dalam arus kemajuan negara menjelang kemerdekaan. (4m)

b) Huraikan peranan agensi-agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia dalam melaksanakan dasar ekonomi negara dari tahun 1956 - 1960. (10m)

c) Dasar Pertanian Negara merupakan komponen penting Dasar Ekonomi Baru 1970 yang bertujuan meningkatkan pendapatan penduduk luar Bandar. Jelaskan. (6m)

6.

| Pertubuhan | Tahun |
|------------|-------|
| ASA        | 1961  |
| MAPHILINDO | 1963  |
| ASEAN      | 1967  |

a) Dengan memberikan tumpuan dari segi politik, huraikan tujuan penubuhan ketiga-tiga pertubuhan tersebut. (8m)

b) Jelaskan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial yang telah dilaksanakan oleh ASEAN. (12m)